

Norulashikin Jamain

Muka surat 1/8

Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara
(NORA)

Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara
(NORA)

SI HITAM

Norulashikin Jamain

Diterbitkan dalam Berita Minggu, 20 Apr 1980.

Untuk kebenaran mencetak, muat turun, mengeluarkan ulang atau untuk menggunakan karya ini,
sila klik di sini:

Norulashikin_JAMAIN@nlb.gov.sg

Nota: Susunan isi kandungan dan format adalah seperti yang diterima daripada pengarang.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Cerpen: Si Hitam**Karya: Norulashikin Jamain**

Sejak kehadiran makhluk sejenisnya itu, dia semakin tidak diindahkan. Wajahnya yang hitam buruk itu disapunya dengan tangan yang tidak kurang comotnya. Rasanya mahu dia menukarkan wajah itu kepada yang lebih cantik. Yang lebih putih.

Dia hairan kenapa manusia suka melihat sesuatu yang di luar saja? Padahal yang di luar itu adalah yang telah ditetapkan oleh Tuhan, Pencipta Alam. Mana lagi dapat ditukar kepada bentuk baru? Tapi manusia selalu tidak menghiraukan apa yang di dalam. Sedangkan di dalam itulah tersembunyi kebenaran dan kejujuran. Di dalam itulah tersimpan sifat-sifat yang diberi izin oleh Tuhan untuk diusahakan. Agar menjadi sesuatu yang lebih baik.

Dia mendengus. Seolah-olah melepaskan keluhan yang terpendam lama di dalam hatinya. Kukunya mencakar-cakar. Bertukarlah permukaan tanah yang rata itu menjadi garis-garis gembur berbelang. Ekornya digerak-gerakkan ke kanan ke kiri.

Si Hitam mencari-cari di antara rumpun-rumpunan rumput, suatu tempat yang teduh. Tempat yang boleh memberi ketenangan padanya. Dia mahu berehat. Dia mahu melelapkan mata buat seketika.

“Pus, pus, pus.....Mari sini sayang!”

Tiba-tiba dia terdengar tuannya memanggilnya. Lembut sekali suara itu. Matanya yang hampir tertutup itu tiba-tiba terbuka lebar. Tergesa-gesa dia mengangkat tubuhnya. Digoncang-goncang sedikit tubuhnya. Rumput-rumput kering berjatuhan satu-satu dari bulunya yang hitam lebat.

Si Hitam hampir saja berlari dan mahu menuju ke arah suara itu. Tapi kakinya tiba-tiba terkaku. Matanya yang hijau tiba-tiba terpacak pada sesuatu yang dilihat di depan. Sesuatu yang mengharukan hatinya. Menyiksa batinnya.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Si Hitam berundur beberapa langkah ke belakang. Bukan dia yang dipanggil. Bukan dia. Dilihatnya seekor kucing berbulu putih dan bersih menuju ke arah tuannya. Langkahnya lembut dan manja.

Malunya Si Hitam bukan kepalang. Dia terus mencari perlindungan antara rimbunan tumbuh-tumbuhan yang bersemarak di situ. Rasanya mahu dia melepaskan rasa malunya pada benda-benda hijau itu.

Dari celah-celah tumbuhan kecil itu, Si Hitam dapat pula mengintai. Memerhatikan gelagat Si Putih yang manja itu dari jauh. Sedarlah dia betapa sayangnya tuannya pada Si Putih.

Kepala Si Putih yang bersih tanpa kotoran itu disapu-sapu lembut. Leher Si Putih digosok-gosok dengan jari. Si Putih pun semakin manja. Dia mengiau-ngiau senang. Digesel-geselkan kepalanya pada kaki tuannya.

Si Putih kemudian diberi minum susu. Nampak jelas pada penglihatan Si Hitam, walaupun dari jauh, putih dan bersihnya susu itu. Istimewa betul minuman untuknya, fikirnya.

Habis saja susu diminum, Si Putih pun diangkat masuk ke dalam. Si Putih mengiau-ngiau manja. Dibiarkan saja tubuhnya dibawa pergi. Tidak sedikit pun dia memberontak mahu melepaskan diri.

Rasa sayu dan kecewa tiba-tiba melanda hati Si Hitam. Betapa dia kini tidak diambil perhatian langsung. Kehodohannyakah yang menyebabkan ini semua? Tuannya sudah buta. Tuannya sudah tidak dapat membezakan hampas kelapa dengan kulit durian. Tuannya hanya melihat semuanya dari permukaan. Isi dan rasanya tidak diteliti. Tidak diamati betul-betul.

Agaknya begitulah sifat manusia. Bodoh dan butanya mereka! Dan bila ada yang baru, yang lama sudah dilupakan. Di mana sifat kemanusiaan yang mereka agung-agungkan?

Si Hitam merehatkan dirinya di bawah pokok mangga. Dia memerhatikan ayam-ayam yang berkeliaran. Matanya sukar dilelepkan semula. Mungkin peristiwa tadi terlalu mengguris hatinya. Hingga dia jadi geram. Geram dan benci pada manusia.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Hari-hari yang berlari telah menukarkan keadaannya. Dulu dia disanjung. Dulu dia disayangi oleh tiap penghuni rumah itu. Terutama tuannya sendiri. Dulu di seekor kucing yang montel. Sihat dan gemuk. Walaupun bulunya hitam dan lebat, tapi hitam dulu hitam berkilat. Hitam dulu hitam bercahaya dan menarik.

Sekarang dia sudah tua. Bulunya sudah tak berkilat. Sudah berlapuk oleh panas dan hujan. Tapi Si Hitam macam merasakan, bukan itu yang menyebabkan tuannya beralih kasih. Bukan itu. Tapi kehadiran Si Putihlah. Kehadiran Si Putih di rumah itulah yang membikin tuannya tidak sedar. Tidak sedar bahawa selama ini Si Hitam lapuk inilah yang mencurahkan jasanya demi menjaga keselamatan rumah setiap malam. Si Hitam inilah yang menjadi panglima dapur rumah tuannya dari dicerobohi oleh maling-maling bertubuh kecil yang sering mengacau itu.

Begitupun hati Si Hitam ragu-ragu untuk meletakkan seluruh kesalahan pada Si Putih. Bukankah tuannya juga yang mengambil Si Putih dari tempat lain? Entah tempat mana, dia tak mampu untuk menyelidik. Memang manusialah yang lebih bertanggungjawab dalam hal ini. Merekalah yang membuat keputusan. Merekalah yang harus disalahkan.

Hairan. Bagaimana benci pun dia, bagaimana marah pun dia pada tuannya, Si Hitam masih taat jadi pengawal rumah yang setia bila malam tiba. Dan malam itu, seperti malam-malam yang biasa, Si Hitam sudah bersedia melakukan tugasnya dengan rasa tanggungjawab yang mendalam.

Malam itu, bila keadaan sudah diselimuti kesunyian yang memukau, dan manusia sudah ditenggelami oleh mimpi dan dengkur, mulalah Si Hitam menjalankan rondaannya. Tapi kali ini dia mahu bersembunyi. Supaya tubuhnya yang memang gelap itu tidak dapat dikesan oleh si maling bertubuh kecil itu.

Satu sudut yang agak terceruk dekat dengan almari dapur amat sesuai sekali untuk tempat persembunyiannya. Di situlah Si Hitam menunggu. Tubuhnya dirapatkan pada dinding. Dia berdiam diri. Kehitamannya dan kegelapan malam menjadi satu. Macam satu barang yang sama. Cuma matanya yang hijau itu saja yang agak terang. Dan bila

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

mata itu bergerak ke kiri ke kanan, tak ubah macam sepasang lampu isyarat yang digerak-gerakkan dalam gelap.

Si Hitam masih menunggu. Menunggu dengan sabar. Kalau-kalau ada tikus yang datang. Dan dia akan terus menunggu. Penungguan bukan lagi soal rumit baginya. Tapi satu kelumrahan.

Tiba-tiba.....

Seekor ibu tikus muncul dari balik almari kecil. Entah dari mana datangnya, Si Hitam tak tahu. Tikus itu berjalan perlahan-lahan. Berhati-hati benar dia. Takut kalau-kalau panglima dapur yang ditakuti itu tiba-tiba menjelma.

Dia berjalan lagi. Berjalan lagi. Kemudian berlari sedikit. Berlari lagi. Berlari cepat sedikit. Tanda-tanda keriangannya semakin terpancar di wajahnya yang muncung itu. Dia berlari lebih cepat. Lebih riang.

Si Hitam tak ada, fikirnya. Ya, Si Hitam tak ada. Ha, ha, ha. Si Hitam tak ada. Dia gembira. Gembira sekali. Hatinya berlonjak kegirangan.

Ibu tikus itu meluru ke bawah peti sejuk. Kemudian berlari pula ke bawah almari kecil. Ke sudut dapur. Ke bawah meja. Sisa-sisa makanan yang tertinggal dengan cepat menjadi habuannya.

Si Hitam belum bertindak apa-apa. Tapi dia sudah bersedia untuk menerkam. Kuku-kuku di jarinya sudah terserlah gagah. Gigi taringnya yang tajam sudah seperti pisau yang baru diasah. Matanya yang hijau terus merenung tikus itu. Renungan yang tetap dan menggerunkan. Mata itu sudah tak berkelip-kelip. Si Hitam kini sudah kelihatan seperti seekor harimau yang garang.

Tiba-tiba...

Pam! Satu tangkapan yang cukup indah dan tepat telah dibuat oleh Si Hitam. Rasakan kau tikus! Dicakar-cakar muka comel bermuncung itu. Dicocok-cocok matanya dengan kukunya. Tubuh tikus itu dihenyak-henyak. Si tikus sudah lemah. Dan akhirnya tak bergerak lagi. Si tikus sudah kaku. Nyawanya sudah terpisah dari jasadnya.

Si Hitam puas. Puas sekali. Memang begitu harus diajar si tikus. Penceroboh! Maling pengecut!

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Bangkai itu terbiar di situ. Dibiarkan saja oleh Si Hitam, di tepi almari dapur. Esok sajalah bangkai itu akan dibuang ke luar. Entah kerana terlalu letih berjaga dan bergerak agaknya, Si Hitam tiba-tiba tertidur di tepi pintu. Dan tertidur dengan agak nyenyak...

“Kucing pemalas! Tak boleh diharap langsung! Apa yang kau buat semalam-malaman tadi, ha?”

Satu suara yang tidak asing lagi baginya tiba-tiba mengejutkan tidurnya. Suara itu begitu garang bunyinya.

“Tidur aja kerjanya! Pemalas!”

Sekali lagi tengkingan dihambur padanya.

Si Hitam membangunkan kepalanya. Terpinga-pinga menerima herdikan yang meloncat-loncat tak tentu pasal itu. Matanya mencari-cari bangkai tikus yang rebah di tepi almari malam tadi. Tak ada. Matanya meluru pula pada Si Putih yang berdiri dekat dengan tuannya. Dan mata itu tiba-tiba terhenti bila melihat benda yang berada di mulut Si Putih. Tersentak dia. Rupa-rupanya Si Putih sudah mendahuluinya. Rupa-rupanya Si Putih sudah menggonggong bangkai tikus untuk dibuang ke luar.

Apakah ini satu penipuan? Apakah ini satu penganiayaan pada dirinya yang tak berdosa? Si Putih sudah menipu tuannya. Si Putih sudah mengabur kebenaran pada mata tuannya.

“Penat saja aku pelihara kau! Makan tidur saja taunya!”

Si Hitam mahu melawan. Tapi perhatikan mata tuannya yang garang dan terbeliak itu, hatinya kecut. Matanya saja yang berani merenung muka tuannya. Kaki tangan tiba-tiba saja kaku. Kuku-kuku tajam terserlah menonjol perlahan-lahan. Tapi tak terdaya digunakan. Badannya dihimpitkan rapat-rapat pada dinding. Tak ubah macam cicak mati yang tersepit.

Grrrr...Hanya itulah yang keluar di sebalik pagar-pagar gigi yang tajam.

Grrrr...Marahnya semakin memuncak. Dan bila kemarahan tidak dikeluarkan, bulunya akan berubah keadaan. Tegang dan berdiri kaku.

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

Tuannya pergi. Si Putih pun pergi. Si Hitam mengiringi pemergian mereka dengan ekor mata yang tajam. Jelingannya menusuk. Hatinya mendongkol. Geram benar dia. Benci dia pada tuannya. Benci dia pada manusia yang begitu dangkal rasa kemanusiaannya. Menyelidik tidak. Memeriksa tidak. Tiba-tiba menuduh yang bukan-bukan. Di mana letaknya keadilan mereka? Di mana?

Dia mahu membalas dendam. Geramnya tidak dapat disimpan lagi. Sudah terlalu ini! Sudah terlalu! Kepercayaan pada tuannya kini sudah luntur.

Ngiau...Ngiau....Garang saja bunyi suaranya kini. Dia melompat ke atas meja. Dia melompat ke atas dapur. Orang-orang lain masih di bilik tidur.

Si Hitam kini bertukar. Dari seekor kucing yang pendiam dan setia, berubah menjadi lincah dan perosak. Dia melompat ke atas meja. Gelisah macam kucing kebuluran. Ditolak-tolak tudung saji sedikit-sedikit. Terselak pinggan besar. Di atasnya terbaring beberapa ekor ikan goreng bekas semalam. Air liurnya meleleh. Tangannya dikuis-kuiskan. Seekor ikan jatuh dari pinggan. Digonggongnya.

Ikan itu diratahanya. Daging-daging halus itu mudah sekali terjerumus ke dalam perutnya. Dia melompat lagi. Turun lagi. Melompat lagi. Turun lagi. Sampai habis semua ikan-ikan dimakannya.

Si Hitam buru-buru pula ke tepi almari. Ada sesuatu yang mahu diuruskan di situ. Lepas itu dia berlari ke luar. Dan dia bertekad, dia tidak akan pulang lagi.

Si tuan pulang dengan hati puas dan bangga. Memang Si Putih itu boleh diharap! Memang Si Putih itu bakal jadi pengawal dapur yang berani dan berjasa! Lebih berjasa daripada Si Hitam yang semakin tua dan malas itu. Dia tersenyum. Bangga benar hatinya.

Kakinya melangkah masuk ke dapur. Tiba-tiba matanya terbeliak. Tepi almarinya sudah dikotori oleh susu yang melimpah tumpah dari mangkuknya. Dekat dengan kaki meja, tulang-tulang ikan berserakan. Dan lebih terperanjat lagi bila matanya terpacak pada atas meja itu sendiri. Tudung saji sudah ke tepi meja. Pinggan besar yang berisi ikan goreng kini sudah licin tak berbekas. Dan, dan pinggan itu sedang dijilat-jilat oleh Si Putih!

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.

TAMAT

Norulashikin Jamain. Hak cipta terpelihara.

Hanya untuk dilihat dalam talian melalui Pusat Penyimpanan Dalam Talian Karya-Karya Artistik Lembaga Perpustakaan Negara. Tidak dibenarkan mencetak, muat turun atau mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk tanpa mendapat izin kebenaran daripada pemegang hak cipta.